

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HKB 211 Kesusasteraan Afrika Modern

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. SAMA ADA

- (a) Setakatmanakah Achebe berjaya mengawal objektiviti-nya supaya pemaparan masyarakat tradisional Ibo di dalam Things Fall Apart (Okonkwo) tidak cuma memperlihatkan kestabilan dan kekuatan masyarakat itu tetapi juga kelemahan-kelemahannya?

ATAU

- (b) Mengikut Virginia Woolf, jiwa yang sihat memperlihatkan kesimbangan unsur-unsur kelelakian dan kewanitaan. Sejauhmanakah Achebe berjaya menunjukkan kebenaran rumusan Woolf di dalam perkembangan watak Okonkwo?

2. SAMA ADA

- (a) "Debbie tidak berkembang. Perwatakannya tidak mendalam atau kompleks kerana dia cuma mempersonifikasi sesuatu ideologi" (Katherine Frank). Sejauhmanakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas?

ATAU

- (b) Sejauhmanakah Emecheta berjaya menyatupadukan dilema individu Debbie dengan pergolakan sosio-politik di dalam Destination Biafra?

3. "Harapan untuk mencari kebenaran dan kemurniaan tidak ada lagi di kalangan rakyat Ghana walaupun rampasan kuasa bertukar silih berganti" (Fatimah Busu). Sejauhmanakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas? Apakah wawasan moral Armah di dalam The Beautiful Ones Are Not Yet Born (Yang Indah Belum Menjelma) pesimistik pada keseluruhannya?
4. The Swamp Dwellers (Penghuni Paya) yang nampak mudah dan ringkas sebenarnya mempersempitkan "dimensi alam yang bersifat simbolik" kerana pengarang "membenarkan kita mengenal pasti hakikat bahawa bertanya itu sifat semula jadi manusia tetapi menyusahkan" (K.S. Maniam). Dengan merujuk kepada pernyataan di atas, analisiskan drama Soyinka ini.
5. "Mungkin kita tidak boleh menyampaikan cerita-cerita dengan kepakaran yang setanding dengan apa yang dimiliki oleh nenek-moyang kita. Namun bagi saya, semua seni pertuturan boleh digunakan semula dengan begitu senang. Kita tidak begitu jauh dari tradisi-tradisi kita" (Ama Ata Aidoo). Apakah penggunaan unsur-unsur dari tradisi lisan Afrika oleh Ama Ata Aidoo memperkayakan persoalan dan teknik di dalam drama The Dilemma of A Ghost? Bincangkan.

-ooo000ooo-